

Permit *Sarawak Tribune* digantung

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 8 Feb. - Kerajaan menggantung permit akhbar *Sarawak Tribune* setelah jemaah menteri secara lantang menyuarakan kemarahan terhadap akhbar itu dalam mesyuarat mereka hari ini.

Kabinet menyifatkan tindakan akhbar berkenaan sebagai tidak bertanggungjawab dan tidak sensitif apabila menyiarkan semula karikatur menghina Nabi Muhammad s.a.w. walaupun menyedari perkara itu

telah membangkitkan kemarahan umat Islam seluruh dunia.

Bagaimanapun, penggantungan yang berkuat kuasa hari ini tidak ditetapkan tempohnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Radzi

UM - 9/2/2006
Perdana Menteri telah mencadangkan supaya akhbar itu digantung dan mendapat sokongan sebulat suara (jemaah menteri)

Sheikh Ahmad berkata, isu akhbar tersebut dibincangkan secara serius pada mesyuarat Kabinet dan semua menteri tanpa mengira agama dan keturunan menyuarakan kemarahan mereka.

RADZI SHEIKH AHMAD
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

"Semua menteri dengan lantang begitu marah dan menganggap akhbar itu tidak sensitif kerana walaupun bantahan di-suarakan di seluruh dunia, mereka masih sanggup menyiarkannya semula di Malaysia.

"Malah Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dengan tegasnya meminta supaya kerajaan tidak bertolak ansur dan tindakan tegas diambil ke atas penerbit akhbar itu.

"Justeru, Perdana Menteri telah

■ Lihat muka 2

Permit *Sarawak Tribune* digantung

mencadangkan supaya akhbar itu digantung dan perkara itu mendapat sokongan sebulat suara. Beliau juga akan mengumumkan mengenainya," kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini, hari ini.

Sarawak Tribune, akhbar berbahasa Inggeris tempatan Sarawak menyiarkan karikatur kontroversi tersebut melalui ruangan beritanya pada muka surat 12 baru-baru ini.

Pada 30 September lalu, akhbar Denmark, *Jyllands-Posten* mencestuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia dengan penyiaran karikatur berkenaan.

Kontroversi itu semakin serius sehingga disifatkan sebagai pertembungan antara Islam-Barat.

Ia membangkitkan kemarahan umat Islam seluruh dunia berikutan beberapa lagi penerbitan di Eropah seperti Perancis dan Norway menerbitkan semula karikatur tersebut atas nama kebebasan bersuara.

Menurut Radzi, hanya penggantungan sahaja diputuskan oleh Kabinet, sementara isu sama ada pengarang akhbar itu akan dikenakan tindakan hanya akan ditentukan oleh pihak polis.